

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HST 422 Pendudukan Jepun di Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH [7] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. "Penetrasi atau kemasukan Jepun ke Asia Tenggara sejak zaman Meiji bermula dengan usaha-usaha bagi menyelesaikan masalah ekonomi semasa, tetapi kemudiannya bertukar kepada usaha menguasai Asia Tenggara dan seterusnya penaklukan pada 1941." (Eric Robertson)

Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada hubungan mana-mana negara di Asia Tenggara dengan Jepun sebelum 1942.

2. Sejauh manakah sikap patriotik di kalangan para elit tempatan penting di dalam menentukan tindakan mereka berkerjasama dengan Jepun? Perbincangan perlulah merujuk kepada mana-mana negara di Asia Tenggara.

3. "Jepun tidak mempunyai sebarang dasar terhadap 'Islam' di Indonesia".

Bincangkan.

4. Dengan merujuk sama ada kepada Pattani atau Isan, sejauh manakah kehadiran Jepun di Siam telah memperhebatkan perasaan anti-pusat?

5. "Di lihat dari perspektif sejarah, pendudukan Jepun, jauh daripada membantu pertumbuhan nasionalisme Vietnam seperti yang diandaikan, sebenarnya telah menghalang pertumbuhannya". (Troung Buu Lam)

Bincangkan.

6. "Sumbangan Jepun terhadap nasionalisme tempatan dapat dilihat melalui penubuhan tentera-tentera pribumi seperti di Indonsia atau Myanmar".

Bincangkan.

7. Setujukah anda bahawa hubungan Jepun dengan Asia Tenggara pada masa kini menampakkan ciri-ciri imperialisme yang lebih canggih dengan kesan yang lebih dahsyat daripada zaman Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya?

-ooooooo-